



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA , 18 SEPTEMBER 2018**

1. HASIL PADI MUSIM INI TAK BERBALOI, SETEMPAT – SH, 37
2. PATIN GERGASI 150KG MASUK PUKAT, WILAYAH – BH, 61
3. TWO PIG FARM OPERATORS FINED RM250 EACH FOR DIRTY PREMISES, NATION – THE STAR, 6

UKKMOA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**



Jentera sedang memproses pengambilan hasil padi.

Masalah petani memerlukan tindakan segera pihak bertanggungjawab.

Petani mula tertekan, penyakit hawar daun bakteria beri kesan terhadap tanaman

JULIANA YAACOB

YAN

Sebahagian petani di Kampung Kuala Dulang Kechil runding memikirkan hasil padi mereka yang menurun akibat penyakit hawar daun bakteria (BLB).

Petani, Mohd Tarmizi Yusof, 49, berkata, keadaan itu memberi tekanan kepada mereka yang bergantung hidup dengan hasil padi.

Katanya, masalah penyakit yang memberi kesan kepada hasil padi pada musim lalu tidak terlalu kritikal seperti hari ini.

"Dulu ada juga penyakit tapi tak teruk macam sekarang, tapi sekarang teruk sungguh sehinggakan pendapatan kami terjejas.

"Hasil pun dah tak banyak, kalau dulu serelung boleh dapat RM2,500 tapi sekarang nak dapat RM1,800 pun payah," katanya ketika ditemui semalam.

Menurut Mohd Tarmizi, kerajaan seharusnya peka masalah yang dihadapi golongan petani ini.

"Dulu masa BN memerintah ada juga dapat RM600 setiap musim dan kami sangat berharap kerajaan baharu meneruskan pemberian berkenaan.

"Mungkin bagi orang lain RM600 tu tak seberapa tapi bagi kami yang berdepan dengan masalah hasil padi jumlah itu

sangat besar," katanya.

Pendapatan terjejas

Mengakui masalah sama, Ismail Zain berkata, hasil padi miliknya juga terjejas teruk musim ini.

"Selainnya, hasil padi saya melebihi dua tan tetapi pada musim kali ni hanya dapat satu tan lebih sahaja.

"Semua ini adalah disebabkan penyakit BLB berkenaan, nak sembur racun padi dah mula menguning takut nanti terjejas pula kualiti.

"Nak-tak nak kami terpaksa biarkan saja penyakit BLB tu menyerang dan hanya sebahagian sahaja padi dapat mengeluarkan hasil dengan baik," jelasnya.

Menurut Md Syukri Harun, 56, hasil padi pada musim ini tidak berbaloi kerana tidak dapat menampung kos penanaman.

"Untuk tanaman padi kita memerlukan pelbagai kos seperti baja, racun, bayaran sewa jentera, upah dan pelbagai lagi.

"Hasil diperoleh hanya cukup-cukup bayar semua hutang berkenaan itu pun belum masuk kos nak bayar sewa tanah lagi.

"Kita ambil contoh upah meracun, dulu RM15 ja serelung tapi sekarang paling murah upah

Hasil padi musim ini tak berbaloi



ISMAIL ZAIN



SABRI AZIT

sangat berharap kerajaan memberi perhatian masalah dihadapi mereka.

"Dengar kata racun dan baja depa nak tarik balik subsidi sebab tu kami sebagai petani yang pendapatan tak seberapa ini sangat tertekan," katanya.

Katanya, kos perbelanjaan keperluan rumah dan persekolahan anak sekolah juga adakalanya tidak mencukupi.

"Kalau kerajaan bantu sikit kami untuk atasi masalah hasil padi ni

meracun RM30 bagi keluasan yang sama," katanya.

Menurut Md Syukri, petani

untuk atasi masalah hasil padi ni

itupun dah cukup baik," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Jerai, Sabri Aziz berkata, beliau bersimpati dengan nasib petani khususnya di Parlimen Jerai.

"Saya sebenarnya sudah menyuarkan rasa hati petani di Parlimen tentang harga padi dan kos input padi.

"Namun respon balas yang diterima, kajian holistik akan dilakukan bagi menangani masalah petani," katanya.

Menurut Sabri, sehingga sekarang masih belum jelas hala tuju kerajaan akan kebajikan petani seperti yang diharapkan.

"Saya amat bersetuju, sekiranya pemberian insentif kepada petani dapat diteruskan kerana ia sedikit sebanyak membantu mereka meringankan beban.

"Saya berharap kerajaan dapat membantu petani yang sangat memerlukan bantuan disebabkan musibah penyakit yang mengancam hasil padi mereka ini," katanya.



Petani berkumpul berbilang mengenai masalah mereka.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2018	BERITA HARIAN	WILAYAH	61

Patin gergasi 150kg masuk pukot

➔ Penduduk ambil masa 1 jam daratkan ikan

Oleh Attirmidzie Rahman
cnews@nstp.com.my

► Pasir Mas

Penduduk Kampung Tok Sangkut, Meranti, di sini gempar apabila seekor ikan patin gergasi seberat 150 kilogram (kg) ditangkap di Sungai Lubok Jong, awal pagi semalam.

Ikan itu yang ditangkap penduduk kampung kira-kira jam 1 pagi, menarik perhatian orang ramai ketika dijual di pasar pagi semalam.

Penduduk, Mohd Ghazali Daud, 62, berkata dia bersama penduduk lain di kampung itu memang menjadikan sungai berkenaan untuk menangkap ikan air tawar.

Bagaimanapun, kebiasaan sebelum ini ikan yang ditangkap hanya bersaiz sederhana dan ini kali per-

tama kemunculan ikan patin bersaiz gergasi itu.

“Memang di sekitar sini penduduk akan menangkap ikan untuk dijual atau dimakan sendiri dengan menggunakan pelbagai kaedah.


Pasang candik

“Malam tadi (kelmarin), saya bersama penduduk kampung memasang candik (sejenis pukot) di tebing sungai itu. Tidak lama kemudian kami terkejut apabila melihat candik yang dipasang menjerat seekor ikan yang bersaiz agak besar.

“Dengan bantuan beberapa penduduk kami menarik candik itu ke tepi sungai menggunakan tali dengan mengambil masa satu jam dan mendapati ikan patin seberat 150kg berjaya ditangkap,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Mohd Ghazali berkata dia dan penduduk kampung semalam bergotong-royong menyang ikan berkenaan untuk dijual dengan harga RM15 sekilogram.

Katanya, sebanyak 120kg ikan itu sudah dijual kepada penduduk setempat dan selebihnya diagihkan kepada mereka yang membantu menangkap ikan itu.



Patin gergasi seberat 150 kilogram yang ditangkap penduduk Kampung Tok Sangkut, Meranti di Sungai Lubok Jong, Pasir Mas, semalam.

Two pig farm operators fined RM250 each for dirty premises

GEORGE TOWN: Two pig farm operators were each slapped with a RM250 fine for failing to address hygiene at their premises in Gertak Sanggul.

Penang exco member Dr Afif Bahardin said the state Veterinary Services Department also gave them tips on ways to maintain their farms during a spot check recently.

Joining in the inspection were officers from the state Drainage and Irrigation, the Department of Environment, state Land and Mines Office and Penang Island City Council.

"The pig farms were dirty and there was an unpleasant odour in the area.

"The farms were not properly maintained and managed.

"The raw waste discharged into the beach has also affected the fishermen who depend on the coastline for their daily income.

"We will not compromise on such matters and action has been taken against the pig farmers," said Dr Afif, who is also state Health, Agriculture and Agro-Based Industry Committee and Rural Development Committee chairman.

He was commenting on *The Star's* exclusive report on Saturday about raw piggery waste polluting a 1km beach in Gertak Sanggul.

Dr Afif said it was vital for livestock entrepreneurs to maintain cleanliness to ensure Penang remains green, clean and safe for all.

Balik Pulau MP Muhammad Bakhtiar Wan Chik, who is also Deputy Tourism, Arts and Culture Minister, said stern action must be taken against the errant operators.